



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

UHMS 1182 (PENGHAYATAN ETIKA & PERADABAN)

SEMESTER 1, 2021/2022

SEKSYEN 12

**TAJUK TUGASAN: PERANAN ETIKA & PERADABAN DALAM MENDOKONG
TANGGUNGAWAB SOSIAL.**

PENSYARAH: DR. PUAN SUAIBAH ABU BAKAR

KUMPULAN 5

	NAMA	:	CHIEW TING AN
	NO. MATRIK	:	A19BS0021
	KAD PENGENALAN	:	990206-04-5593
	NO. TEL	:	012-9332066

	NAMA	:	ENG JIAN YUAN
	NO. MATRIK	:	A19BS0031
	KAD PENGENALAN	:	990820-13-5329
	NO. TEL	:	014-69734136

	NAMA	:	NG BING SHENG
	NO. MATRIK	:	A19BS0084
	KAD PENGENALAN	:	990911-04-5441
	NO. TEL	:	017-2763398

	NAMA	:	NORFARAH ADIBAH BINTI MOHD ZULKIFLI
	NO. MATRIK	:	A21BS0168
	KAD PENGENALAN	:	001202-01-0464
	NO. TEL	:	019-6273757

	NAMA	:	NUR ILANI IZYN BINTI ZULHAZMI
	NO. MATRIK	:	A21BS0093
	KAD PENGENALAN	:	010812-06-0324
	NO. TEL	:	019-7972412

	NAMA	:	NURIN AMNI BINTI ROSDI
	NO. MATRIK	:	A21BS0111
	KAD PENGENALAN	:	010620080128
	NO. TEL	:	019-9244229

	NAMA	:	NURUL ANIS BINTI HASMIN
	NO. MATRIK	:	A21BS0176
	KAD PENGENALAN	:	001126-14-0864
	NO. TEL	:	018-2355657

ISI KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	1.0 Pendahuluan	4
2.	2.0 Tanggungjawab sosial sebagai rakyat	5-7
3.	3.0 Tanggungjawab sosial sebagai pekerja	8-11
4.	4.0 Tanggungjawab sosial korporat	11-15
5.	5.0 Tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar	15-18
6.	6.0 Tanggungjawab sosial terhadap sosial media	18-21
7.	7.0 Kesimpulan	21-25
8.	8.0 Sumber Rujukan	26-30

PERANAN ETIKA DAN PERADABAN DALAM MENDOKONG TANGGUNGJAWAB SOSIAL.

1.0 Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), etika bermaksud prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), peradaban bermaksud keadaan dan tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2007), tanggungjawab sosial bermaksud kewajiban yang dipikul oleh seseorang bagi hal-hal yang berperihal dengan masyarakat. Menurut Sarmila (2013), tanggungjawab sosial telah bermula sejak Revolusi Perindustrian di Eropah iaitu seawal abad kelapan belas. Pada peringkat awal, tanggungjawab sosial bermula daripada memberikan sumbangan dan kebajikan. Namun yang terkini, tanggungjawab sosial tertumpu kepada dalam pelbagai bidang seperti keselamatan, pekerjaan, alam sekitar serta teknologi.

Tanggungjawab sosial yang didokong oleh etika dan peradaban boleh dirujuk kepada tanggungjawab sosial adalah banyak. Maka, kami akan tumpukan perbincangan bagaimanakah etika dan peradaban boleh mendokong tanggungjawab sosial sebagai rakyat, tanggungjawab sosial pekerja, tanggungjawab sosial korporat, tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar dan tanggungjawab sosial terhadap media sosial. Oleh itu, setiap individu mempunyai tanggungjawab dalam tanggungjawab sosial tersebut demi menjaga kebajikan masyarakat.

2.0 Tanggungjawab Sosial Sebagai Rakyat

Tanggungjawab sosial rakyat adalah yang merentasi kaum dan budaya merupakan satu medan yang boleh menyatukan kita semua. Tanggungjawab sosial sebagai rakyat adalah memupuk sifat kesukarelawanan, sifat kedermawanan, amalan bekerjasama, sifat kesabaran dan membuat keputusan yang menjaga kepentingan diri dan awam.

Antara tanggungjawab sosial sebagai rakyat terhadap orang lain adalah kita haruslah memupuk sifat kesukarelawanan dalam diri masyarakat. Kesukarelawanan adalah satu bentuk tanggungjawab sosial yang melibatkan pemberian masa atau tenaga kerja tanpa mengharapkan pampasan kewangan. Aktiviti kesukarelawan yang ketara dijumpai adalah di rumah istiadat seperti masjid, surau, tokong dan gereja malah di hospital. Tidak dilupakan tempat perlindungan haiwan dan bank makanan juga boleh dijadikan tempat untuk menyebarkan semangat kasih sayang kepada awam. Kesukarelawanan merupakan satu platform untuk berkongsi kemahiran dan bakat. Lebih-lebih lagi, pihak yang terlibat dapat mempelajari kemahiran baharu sambil membantu mereka yang memerlukan bantuan. Lazimnya, Keith Foo sebagai seorang pelakon yang terkenal di Malaysia dan Indoensia telah bertugas sebagai sukarelawan St. John Ambulance Malaysia di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Hospital Pakar CMH, Seremban selama 3 hari. Penglibatan beliau telah membantu mengurangkan beban petugas barisan hadapan. Tanggungjawab sosial daripada beliau telah memberi kesedaran kepada kita bahawa sebagai insan tanpa mengira identiti diri bolehlah menyumbangkan diri dalam pelbagai kerja amal.

Selain itu, tanggungjawab sosial daripada rakyat yang menunjukkan sifat kedermawanan adalah seseorang yang sedia memberi bantuan dari segi kewangan dan barang-barang nyata seperti bantuan makanan, minuman, pakaian, dan perubatan. Sebagai contoh, Ustaz Ebit Lew menghulurkan bantuan dengan menghantar 10 tan bantuan keperluan asas ke Sabah seperti di Kota Marudu, Ranau, Tambunan, Keningau, Tenom, Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Papar. Walaupun terdapat sekatan pergerakan dari Semenanjung Malaysia ke Borneo sewaktu Covid-19 melanda tetapi atas dorongan etika dan peradaban yang tinggi terhadap tanggungjawab sosial telah menjayakan misi tersebut. Selain itu, beliau juga telah menghulurkan bantuan dengan memberikan sumbangan dalam bentuk makanan kepada petugas kesihatan dan kecemasan di Hospital Sungai Buloh. Perlakuan yang sedia membantu walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan menghargai jasa barisan hadapan daripada

beliau telah menunjukkan satu teladan yang baik kepada kita semua iaitu tanggungjawab sosial yang didokong oleh etika dan peradaban.

Di samping itu, kita sebagai rakyat Malaysia haruslah mengamalkan sifat bekerjasama dalam kalangan masyarakat. Ia merupakan satu tanggungjawab sosial yang turut digesa oleh agama masing-masing. Lebih-lebih lagi, berdasarkan ayat al-Quran “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan”. Pegangan ini adalah penting untuk memastikan rakyat sentiasa bersatu padu dalam semua aspek khususnya dalam aspek sosial kerana kerosakan aspek sosial akan mengancam hubungan erat antara masyarakat. Tanggungjawab sosial haruslah dilahirkan daripada akar umbi masyarakat sendiri kerana ia adalah batu loncatan keamanan dan kedamaian sesebuah negara. Sebagai contoh, bendera putih dikibarkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP3.0) kerana ramai yang mengalami kelaparan dan kehabisan wang. Rakyat yang berada dalam kesusahan turut mengibarkan bendera putih tersebut bagi mendapatkan bantuan. Apabila bendera putih dikembangkan, ia telah berjaya menarik minat rakyat jelata melibatkan diri dalam menghulurkan bantuan seperti membuat dermaan dalam bentuk duit, makanan dan barangan keperluan harian malahan juga terdapat rakyat yang mendirikan bank makanan di sesetengah premis dan Kawasan perumahan yang berdekatan. Selain daripada rakyat, selebriti, wakil rakyat dan korporat-korporat seperti 99Speedmart juga turut serta dalam tanggungjawab sosial tersebut. Hal ini telah membuktikan beerjasama dalam satu masyarakat mampu menyelesaikan isu-isu kesusahan dalam kalangan rakyat. Khususnya, Mohd Nor Abdullah merupakan seorang pemuda kelainan upaya (OKU) juga telah mendapatkan bantuan selepas bendera putih dikibarkan. Hal ini disebabkan beliau gagal mendapatkan hasil dalam tempoh PKP3.0 dan beliau amat bersyukur kepada masyarakat kerana sifat tanggungjawab sosial yang kuat. Dengan ini, kita haruslah bekerjasama dalam satu masyarakat demi kelangsungan hidup masyarakat.

Lantaran itu, kita haruslah mengamalkan sifat kesabaran dalam masyarakat dengan berbincang ketika berlakunya masalah yang menyebabkan perselisihan faham. Amat diyakinkan bahawa Peristiwa 13 Mei 1969 rusuhan antara kaum iaitu Melayu, Cina dan India di Malaysia telah menimbulkan ketidakpercayaan antara rakyat. Ia telah menyebabkan kematian, kecederaan dan ketidakpercayaan antara satu sama lain. Kejadian tersebut haruslah diambil sebagai iktibar, satu masyarakat tanpa etika dan peradaban akibat hasutan sama ada

daripada ahli politik ataupun mana-mana pihak tidak patut diulangi. Hal ini disebabkan ia meninggalkan kesan yang berpanjangan dan susah ditangani apabila ia diwarisi secara turun-temurun. Maka, objektif tanggungjawab sosial mustahil dicapai. Dalam kehidupan seharian, interaksi dan kerjasama merupakan sesuatu aspek yang sangat penting terutamanya melibatkan masyarakat yang berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana manusia perlu hidup bersosial dan bermasyarakat bagi memenuhi pelbagai keperluan. Lebih-lebih lagi, negara Malaysia adalah sebuah negara yang majmuk. Tanpa memahami erti etika, peradaban, interaksi secara bersopan dan tanggungjawab sosial maka sebuah masyarakat yang diimpikan sebagai Keluarga Malaysia adalah sukar direalisasikan.

Akhir sekali, kita perlulah menjaga kepentingan awam melalui satu keputusan dan tindakan yang bernas. Menurut laman web rasmi JKJAV, Slogan “Lindungi diri, Lindungi Semua” adalah paling kerap didengar selepas Program Imunisasi Covid Kebangsaan (PICK) dilancarkan. Di bawah program PICK, kita ditawarkan dengan vaksin Covid-19 yang beraneka jenis jenama iaitu; Pfizer, Astrazeneca, Sinovac, CanSino dan Johnson&Johnson. Vaksin tersebut terdiri daripada jenis mRNA, virus tidak aktif dan vektor adenovirus simpanse dan kita diberi pilihan sama ada hendak divaksin ataupun tidak. Namun, atas semangat tanggungjawab sosial, kita perlulah menerima vaksin bagi melindungi diri, keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini disebabkan sekiranya kita tidak memberikan komitmen yang sepenuhnya kita akan menambahkan beban barisan hadapan.

Kesimpulannya, tanggungjawab sosial sebagai rakyat tidak boleh diambil ringan ataupun diabaikan kerana ia adalah satu medan untuk membentuk sahsiah diri yang terpuji. Lebih-lebih lagi, ia mencerminkan imej sesebuah negara terutamanya dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. Kita sebagai rakyat Malaysia berhak menikmati kesejahteraan sosial secara aman dan bersama. Tidak dilupakan juga, sebagai rakyat Malaysia kita haruslah mempraktikkan 5 prinsip Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia telah dijadikan sebagai asas kepada kita untuk menjadi seorang yang beretika dan beradab menerusi ajaran agama, kesetiaan kepada Raja dan negara, menghormati perlembagaan dan undang-undang dan akhirnya bersikap sopan dalam kehidupan. Kesemuanya adalah elemen yang penting dalam sebuah masyarakat yang progresif.

3.0 Tanggungjawab Sosial Sebagai Pekerja

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pekerja merupakan orang yang bekerja, memegang sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam atau swasta. Tujuannya adalah untuk mendapat bayaran atau memperoleh pendapatan. Pekerja boleh diklasifikasikan sebagai pekerja badan, pekerja bulanan, pekerja haram, pekerja hukuman, pekerja lapangan, pekerja lepas dan pekerja rencam. Pekerja badan merujuk kepada pekerja untuk sesuatu jawatankuasa dan pertubuhan-pertubuhan lain yang bertanggungjawab terhadap kerja harian. Pekerja bulanan merujuk kepada pekerja yang menerima bayaran secara bulanan atas kehadiran bekerja pada setiap hari pekerjaan. Pekerja haram merujuk kepada pekerja dari negara asing yang bekerja tanpa kebenaran pihak berkuasa. Pekerja hukuman merujuk kepada orang yang terpaksa bekerja kerana tengah menjalani hukuman. Pekerja lapangan merujuk kepada orang yang membantu penyelidik, pakar dan sebagainya untuk melakukan kerja lapangan. Pekerja lepas merujuk kepada orang yang mempunyai pekerjaannya secara tidak tetap. Pekerja rencam merujuk kepada orang yang membuat pelbagai kerja-kerja kecil. Tanpa mengira jenis pekerja, adalah penting bagi kita melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap pekerja biarpun terdapat Akta Pekerjaan yang menyekat kita memberi layanan yang kurang adil kepada mereka. Pada masa yang sama, sebagai seorang pekerja kita sebagai seorang pekerja perlulah tahu betapa pentingnya etika dan peradaban dalam melaksanakan kerja. Ia adalah penting kerana etika dan peradaban boleh membawa kejayaan kepada kita sama ada dari segi keberkesanan kerja ataupun komunikasi antara warga pekerja yang lain. Tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan oleh pekerja adalah sifat amanah, jujur, berterus-terang dan cekap,

Antara tanggungjawab sosial pekerja adalah mengamalkan sifat amanah. Amanah dalam pekerjaan dengan menunaikan segala kewajipan secara ikhlas supaya kepentingan diri dan syarikat terbela. Amanah dalam bekerja adalah menyedari tugas yang diberikan dan dilaksanakan dengan baik agar kita dapat bebas daripada sebarang penyelewengan semasa melaksanakan tugas. Penyelewengan yang kerap berlaku adalah dari segi masa, kuasa, sumber kewangan dan peralatan serta tenaga kerja. Penyelewengan tersebut boleh memanjangkan kepada kes-kes kolar putih seperti pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan sumber syarikat, penindasan pekerja bawahan dan sebagainya. Dengan ini, Institusi Akauntan Malaysia (MIA) telah menetapkan setiap akauntan yang bertaualiah wajib mengikuti kod etika ataupun *by laws* yang telah diterbitkan. Sekiranya seseorang akauntan diminta untuk mengubah sesuatu angka dalam penyata kewangan syarikat yang jelas. Ia telahpun bercanggah dengan piawaian yang

telah ditetapkan, akauntan tersebut hendaklah menasihati pegawai atasan tersebut supaya tidak berbuat sedemikian. Hal ini demikian kerana perbuatan tersebut akan mengelirukan pihak berkepentingan dan menyebabkan mereka membuat keputusan pelaburan yang salah. Sekiranya akauntan tersebut diugut, maka aduan secara dalam talian boleh dibuat kepada Institusi Akauntan Negara (MIA) supaya satu kertas siasatan boleh difailkan dan tindakan selanjutnya boleh diambil. Oleh itu, pekerja perlu mengamalkan kod etika kerja sebagai panduan untuk menjalankan pekerjaan mereka secara jujur dan berintegriti. Dengan ini, perbuatan seperti curi tulang, tidur, keluar makan atau minum sesuka hati tanpa kebenaran, berurusan kerja peribadi ketika waktu bekerja, meninggikan suara kepada pelanggan semasa berurusan dan membuat perbuatan yang tidak senonoh kepada pelanggan dapat dielakkan. Kesimpulannya, pekerja haruslah bersifat amanah dalam melakukan kerja demi kepentingan semua pihak.

Selain itu, tanggungjawab sosial sebagai seorang pekerja adalah bersikap jujur. Sebagai seorang pekerja, kita tidak boleh mengkhianati syarikat dengan berkongsi maklumat-maklumat sulit majikan demi kepentingan diri. Pekerja haruslah menyedari kepentingan maklumat sulit kepada majikan mereka kerana pendedahan tersebut berkemungkinan menjejaskan keuntungan syarikat, nama baik syarikat dan syarikat berkemungkinan didakwa atas pembocoran maklumat. Contohnya, seorang pengurus dari syarikat telekomunikasi telah menerima rasuah sebanyak RM304,989 bagi tujuan membocorkan maklumat dan nombor pelanggan prabayar. Oleh itu, pekerja haruslah bersikap jujur dalam pekerjaan mereka biarpun ditawarkan dengan pelbagai godaan kerana kegagalan mematuhi etika dan peradaban bukan sahaja tanggungjawab sosial gagal dicapai malah kepentingan majikan turut terjejas kerana orang luar mungkin akan menyerang syarikat melalui maklumat yang diperolehi. Dengan kata yang lain, tanggungjawab sosial tersebut adalah satu elemen yang penting dalam pembinaan sebuah syarikat yang berjaya.

Di samping itu, tanggungjawab sosial sebagai seorang pekerja adalah bersikap berterus terang. Contohnya, seorang pelanggan bisu ditawarkan telefon bimbit dengan harga RM399 dan telah mencapai persetujuan bersama. Namun, mangsa diminta membuat tambahan pembayaran sebanyak RM450 lagi walaupun resit pembayaran sudah ditandatangani. Dengan ini, jurujual perlu memberi maklumat yang betul kepada pengguna dan tidak patut mengelirukan pelanggan demi mendapatkan komisen yang tinggi. Sebarang penipuan dari segi harga adalah tidak dibenarkan kerana ia adalah salah di sisi undang-undang dan tidak

beretika langsung. Penipuan dari segi kualiti adalah tidak dibenarkan kerana ia boleh memberbahayakan pengguna terutamanya bagi makanan, minuman dan produk penjagaan kulit tanpa kebenaran daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan peralatan elektronik tanpa pengesahan SIRIM. Sekiranya kemalangan berlaku, pelanggan tiada jaminan dan kita sebagai pekerja tidak dapat memberi perlindungan kepada pelanggan maka ia akan mengundang kes-kes yang tidak diinginkan. Kita sebagai pekerja perlulah menghormati hak pengguna iaitu memberi maklumat yang lengkap dan tepat kepada pengguna. Barang atau perkhidmatan diberikan maklumat yang tepat dan sesuai adalah penting bagi pengguna membuat keputusan yang wajar ketika membuat keputusan pembelian. Perkara-perkara seperti harga, mutu, berat, sukatan, isi kandungan dan cara penggunaan sesuatu barang haruslah diterangkan dengan baik supaya pengguna mempunyai ilmu terhadap produk yang hendak dibeli. Akhir kata, kita sebagai pekerja haruslah berterus-terang kepada pekerja dan melindungi hak-hak pengguna supaya dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang berbudaya tinggi. Pada masa yang sama, kita perlulah melaksanakan tanggungjawab sosial dengan penuh etika dan beradab.

Akhir sekali, tanggungjawab sosial sebagai seorang pekerja adalah bekerja dengan cekap. Penerimaan sesuatu pekerjaan yang memerlukan kemahiran tertentu melibatkan jaminan tersirat oleh pekerja tersebut bahawa mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan dan boleh menjalankan tugas tersebut. Contohnya, terdapat sekeluarga menimpa kemalangan lemas di Lundu dan menjerit meminta tolong untuk mendapatkan bantuan daripada pihak hospital. Mangsa tersebut diselamatkan oleh doktor melalui rawatan awal pemulihan kardiopulmonari (CPR). Kemudian, mangsa dihantar ke Hospital Umum Sarawak (HUS) untuk mendapatkan rawatan yang rapi. Oleh itu, seorang doktor pakar hendaklah membuat diagnosis dengan kemahiran yang dimiliki untuk menyelamatkan nyawa mangsa tanpa mengira balasan. Ini merupakan tanggungjawab sosial seorang doktor kepada pesakit mereka. Doktor juga tidak boleh membuat analisa secara sambil lewa, memberikan rawatan secara sesuka hati ataupun mengenakan servis pada harga yang akan membebankan pesakit secara sengaja. Selain daripada doktor, pekerja juga perlu menjaga keselamatan diri dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan seperti yang termaktub dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994). Tujuannya adalah melindungi keselamatan pekerja daripada kecuaiian kecederaan ataupun kematian. Oleh itu, sebagai seorang pekerja haruslah cekap dalam melaksanakan kerja supaya dapat meyakinkan pelanggan.

Kesimpulannya, tanggungjawab sosial bagi seorang pekerja adalah bertujuan melindungi hak semua pihak iaitu syarikat, rakan sekerja dan pelanggan. Pekerja haruslah jujur, berterus-terang dan cekap seperti kriteria yang dinyatakan dalam kod etika supaya dapat mewujudkan alam pekerjaan yang mesra dan objektif tanggungjawab sosial tercapai.

4.0 Tanggungjawab Sosial Korporat

Tanggungjawab sosial korporat dan organisasi dapat diklasifikasikan dari pelbagai aspek iaitu hak asasi manusia, amalan buruh, alam sekitar dan isu-isu pengguna. Menurut Hadiyati etika perniagaan adalah prinsip moral atau aturan tingkah laku yang digunakan dalam perniagaan dan dijadikan sebagai rujukan dalam melakukan keputusan.

Tanggungjawab sosial korporat yang pertama adalah menghormati hak asasi manusia. Hak asasi termasuk menyediakan suasana dan persekitaran pekerjaan yang mesra kepada semua pekerja tanpa mengira jantina. Namun, isu gangguan seksual sering dilaporkan di dalam negara kita terutamanya bagi golongan wanita. Menurut Kamus Dewan Edisi keempat gangguan seksual adalah perangai dan kelakuan yang kurang selesa melalui isyarat, sentuhan yang berunsur seks, kata-kata lucah dan perbuatan meraba. Menurut perangkaan United Nations Entity for Gender Equality and the Empowerment of Women (UN Women) United Nation, terdapat satu daripada tiga wanita didapati turut mengalami gangguan seksual setidaknya sekali dalam seumur hidup sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Lebih-lebih lagi, kes gangguan seksual di alam pekerjaan mencapai nisbah yang agak signifikan juga. Gangguan seksual yang paling ketara dijumpai adalah seperti memandang (memandang dengan niat yang tidak betul), mengambil gambar (seperti mengambil gambar bahagian sulit lelaki maupun perempuan), melakukan gerak isyarat kurang elok yang boleh mengundang ketidakselesaan kaum wanita, penyentuhan fizikal secara sengaja dan berniat jahat, meraba dada ataupun bahagian sulit kaum wanita dan mengeluarkan kata-kata kesat yang boleh menimbulkan kurang keselesaan seseorang. Kejadian ini perlu dibendung dan dikekang kerana menurut Presiden Persatuan Psikiatri Malaysia, Dr Hazli Zakaria gangguan seksual akan menyebabkan trauma pada mangsa. Contohnya, gelaran yang kurang elok dan senonoh akan mengingatkan mangsa mengenai pengalaman lampau hingga mendatangkan kesan berganda kepada psikologinya. Seseorang akan merendahkan emosinya dan menjadi seorang yang kurang berkeyakinan tinggi dalam pergaulan sehariannya.

Trauma gangguan seksual turut menyebabkan seseorang mengalami kemurungan, mudah cemas dan panik yang boleh mengugat kesihatan mental seseorang. Lebih-lebih lagi, mangsa juga bimbang untuk bercerita pengalaman yang dihadapi akibat daripada takut tidak dipercayai, takut dipersalahkan dan memilih untuk berdiam diri tanpa menyuarkan hak mereka. Dengan ini, korporat haruslah mewujudkan satu budaya kerja yang baikbahkan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Perikatan Persaudaraan Wanita Selangor (PPPWS) dengan menyediakan aplikasi percuma iaitu SafeCity bagi mangsa serangan seksual melaporkan aduan tersebut kepada badan bukan kerajaan yang prihatin itu. Tujuannya adalah untuk mencapai status negara alam pekerjaan yang mesra. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila aduan dilaporkan, badan bukan kerajaan akan memberi perhatian yang lebih kepada korporat tersebut dan seboleh-bolehnya dapat mendesak kerajaan merangka rang undang-undang gangguan seksual lantarananya dijadikan sebagai akta bagi melindungi mangsa gangguan seksual di dalam negara kita khususnya di dalam alam pekerjaan. Dengan kaedah tersebut dapat menggalakkan mangsa yang takut identiti mereka terbongkar untuk tampil ke hadapan. Aplikasi SafeCity dapat memainkan peranan apabila menerima 10 aduan dibuat di lokasi pin sama, perbincangan antara PPPWS dengan pihak yang berkaitan dapat dijalankan bagi mengambil tindakan yang seterusnya.

Tanggungjawab sosial korporat yang kedua adalah amalan buruh. Amalan buruh adalah sesuatu yang dilakukan sebagai satu kebiasaan ataupun satu perbuatan terhadap orang yang bekerja untuk mencari makan. Namun, terdapat beberapa dakwaan bahawa korporat Malaysia yang bertindak sebagai majikan telah menindas hak pekerja. Contohnya, Top Glove gagal menyediakan 10 buah pusat penginapan pekerja yang bersesuaian di Ipoh. Maka, mereka telah diheret ke mahkamah bagi pendakwaan tersebut. Menurut Perakuan Penginapan daripada ketua pengarah JTK, Top Glove gagal mematuhi Seksyen 24D (1) Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990. JTK menyerbu asrama tersebut pada 26 Nov 2020 dan mendapati asrama itu dalam keadaan yang kurang menyenangkan iaitu kotor dan sesak. Selain itu, Pertuduhan tersebut telah menyatakan bahawa Top Glove gagal menyediakan kemudahan sepatutnya di 10 dorm penginapan pekerja di Pusat Perdagangan Tasek Mutiara. Kesalahan tersebut boleh menyebabkan Top Glove dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000. Tanpa tanggungjawab sosial korporat yang beretika dan beradab, nama baik negara turut tercemar. Misalnya, Amerika Syarikat (AS) dilaporkan telah menyekat kemasukan produk syarikat Top Glove Corp Bhd di pasaran mereka. Seterusnya, dua buah anak syarikat Top Glove iaitu Top Glove Sdn Bhd dan Tg Medical Sdn

Bhd telah disenarai hitamkan dalam laman web rasmi Jabatan Kastam Dan Perlindungan Sempadan (CBP) AS kerana isu buruh paksa. Walaubagaimanapun sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, Top Glove telah membuat bayaran kepada pekerja dengan jumlah anggaran antara RM20 juta hingga RM50 juta.

Di samping itu, dakwaan penindasan pekerja turut menyebabkan pengeksportan minyak sawit keluaran FGV Holdings Berhad (FGV) ke Amerika Syarikat terhalang. Menurut jurucakap CBP Brenda Smith, FGV didapati bahawa pekerja dieksplotasi dan ditindas dalam bentuk fizikal seperti bekerja lebihan masa dan yang agak memenatkan, ditakut-takutkan dengan pelbagai ugutan seperti potongan gaji dan sebagainya, gaji pekerja ataupun buruh turut ditahan walaupun telah menyumbang tenaga bagi korporat tersebut, dan dakwaan penggunaan tenaga buruh kanak-kanak bagi tujuan mengaut keuntungan (tenaga buruh kanak-kanak didakwa lebih murah kerana tidak perlu mengikuti akta gaji minimum, biarpun dilaporkan kanak-kanak akan meniadakan hak mereka kerana bekerja di bawah umur adalah salah di sisi undang-undang). Dengan ini, FGV telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan kebajikan pekerja dan buruh. Kaedah pengambilan pekerja asing yang telah diambil adalah seperti membayar yuran pengajian tenaga kerja bagi menimba ilmu yang lebih luas. Di samping itu, kualiti keadaan tempat tinggal pekerja ataupun buruh juga ditingkatkan berbanding dengan dulu khususnya penyediaan kemudahan yang lebih baik.

Tanggungjawab sosial korporat yang ketiga adalah alam sekitar. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, alam sekitar bermaksud dunia ataupun bumi yang berada di sekeliling kita. Terdapat contoh yang unggul telahpun dilaksanakan oleh pelbagai syarikat di Malaysia sama ada syarikat nasional ataupun multinasional dalam tanggungjawab sosial alam sekitar. Contohnya, syarikat Nestle yang merupakan pengeluar produk makanan dan minuman yang terbesar di dunia telah menjalankan program penanaman pokok di seluruh Malaysia dalam tempoh tiga tahun dari sekarang. Program tersebut dinamakan sebagai Projek RELeaf, projek tersebut menyasarkan tiga juta pokok bakal ditanam bagi memelihara dan memulihara alam sekitar di Malaysia. Ia dapat membantu kerajaan mencapai aspirasi 50 peratus kawasan berhutan di seluruh negara yang membabitkan kawasan seluas 18.27 juta hektar. Korporat yang giat menjalankan tanggungjawab sosial akan sentiasa bersedia berkolaborasi dengan kerajaan dan menyokong segala usaha kerajaan. Contohnya, perubahan iklim merupakan agenda yang penting dan sentiasa dibincang di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Besatu yang hanya mengehadkan kenaikan suhu global sehingga dua darjah celcius. Penetapan tersebut turut

disokong oleh Malaysia dan cuba sedaya upaya bagi mengawal perubahan iklim. Maka, Kerangka Kewangan REDD Plus (REDD Plus Finance Framework (RFF)) sedang dikembangkan oleh kerajaan bagi menggalakkan perkongsian antara sektor awam-swasta untuk aktiviti pemuliharaan hutan. Hasilnya, projek RELeaf di Kinabatangan telah menanam sejuta pokok pada tahun 2011. Ini telah menunjukkan Nestle menjalankan tanggungjawab sosial alam sekitar yang berhasrat memulihkan kawasan tebingan sungai dan meningkatkan ekosistem hutan di negara kita. Lebih-lebih lagi, Nestle komited untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar menjelang tahun 2050 di dalam kehidupan kita supaya kualiti kehidupan rakyat Malaysia adalah lebih baik. Nestle turut berharap kualiti kehidupan negara Malaysia adalah jauh lebih baik berbanding dengan negara yang semata-mata ingin mengecapi pembangunan dan mengorbankan tumbuh-tumbuhan yang berharga. Dengan ini, rakyat turut menyokong usaha Nestle menerusi Projek RELeaf.

Tanggungjawab sosial korporat bagi alam sekitar turut digambarkan oleh lapan orang suspek yang berasal dari Sungai Gong, Rawang, Selangor. Mereka telah mencemarkan sungai dan menyebabkan catuan air di Selangor lantarananya menyulitkan kehidupan seharian rakyat Selangor. Pencemaran air Sungai Gong turut menyebabkan 1,196,457 akaun merangkumi 1,292 kawasan terjejas di Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Hulu Selangor, Gombak dan Kuala Langat. Menurut laporan, 2 pekerja bengkel, 4 beradik pemilik kilang dan dua beranak kilang ditahan. Lebih-lebih lagi, mereka telah mencemarkan sungai sebanyak sembilan kali di Selangor. Tuntasnya, alam sekitar amat memerlukan kerjasama daripada korporat untuk menjaga kelestarian alam sekitar dan rakyat sejangat.

Tanggungjawab sosial korporat yang keempat adalah isu-isu pengguna. Isu-isu pengguna adalah saling berkait dengan hak-hak pengguna. Terdapat tujuh hak pengguna yang asas perlu diberi perhatian oleh korporat iaitu hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna, hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat.

Hak yang ingin ditekankan oleh kami adalah hak untuk mendapatkan maklumat. Menurut Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna (FOMCA), hak untuk mendapatkan maklumat adalah hak untuk mendapatkan maklumat adalah pengguna perlu diberi maklumat yang lengkap, mencukupi dan tepat. Tujuannya adalah melakukan keputusan pembuatan pembelian yang rasional dan bernas. Seterusnya, pengguna adalah dilindungi daripada retorik

pengiklanan yang bombastik, pelabelan yang tidak mengelirukan pembeli dan amalan lain seperti menipu dan menyeleweng pelanggan bagi menarik minat pelanggan membeli barangan yang tidak berkualiti. Namun, korporat di Malaysia telah menentang hak tersebut dan bersekongkol dengan agensi kerajaan seperti JAKIM. Jelasnya kes ini berkait dengan penyalahgunaan logo HALAL. Buktinya, Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd yang terletak di Johor telah didakwa di Mahkamah Sesyen sebanyak 21 pertuduhan iaitu penyalahgunaan lesen HALAL. Kesalahan yang didapati adalah memiliki lesen HALAL palsu, menawarkan lesen HALAL yang palsu dan menggunakan logo HALAL palsu serta tanpa kelulusan untuk membekalkan daging sejuk beku yang kononnya HALAL. Menurut kertas pertuduhan yang selanjutnya, 3,418 kotak makanan sejuk beku yang diimport dari Australia adalah tanpa kelulusan daripada badan regulatori di Australia khasnya yang bertanggungjawab atas urusan pengesahan HALAL. Bukan itu sahaja, penyeludupan daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina turut dijalankan oleh syarikat tersebut. Kartel tersebut dibungkus dengan menggunakan logo HALAL sedangkan HALAL tersebut adalah palsu. Malahan juga, ia akan dijual ke pasaran seluruh Malaysia sehingga kartel tersebut dibongkar oleh pegawai KPDNHEP yang bertugas dan menyerbu kilang tersebut di Senai, Johor. Kesalahan tersebut adalah didakwa di bawah Seksyen 5(1)(a), Seksyen 5(1)(c) Akta Perihal Dagangan 2011, Perenggan 4(1) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011. Kesalahan tersebut boleh didenda antara RM100,000 hingga RM500,000 atau dipenjara hingga lima tahun atau kedua-duanya.

Kesimpulannya, tanggungjawab sosial korporat adalah penting bagi menjaga nama baik sendiri di samping menjaga kebajikan rakyat jelata. Oleh itu, etika dan peradaban adalah penting bagi mendokong tanggungjawab sosial tersebut.

5.0 Tanggungjawab Sosial Terhadap Alam Sekitar

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, alam sekitar bermaksud dunia ataupun bumi yang berada di sekeliling kita. Kepentingan tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar dipandang enteng oleh segelintir kelompok masyarakat sehingga berlakunya ha-hal yang boleh memudaratkan kehidupan flora dan fauna yang secara tidak langsung memberi impak pada kehidupan manusia dari segi kesihatan, kehidupan harian dan juga ekosistem alam mudah terjejas. Lantaran itu, terdapat pelbagai tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar yang boleh dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat.

Antara tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar adalah mengamalkan konsep kitar semula. Demi menjaga kemapanan alam sekitar, kita boleh meminimumkan pembuangan dan penggunaan barangan plastik. Kita seharusnya mengurangkan penggunaan plastik dalam kehidupan seharian kerana barangan yang diperbuat daripada plastik umumnya boleh memudaratkan kehidupan alam sekitar serta memerlukan jangka masa yang lama untuk dilupuskan. Menurut Profesor Madya Dr Haliza Abdul Rahman, botol plastik dianggarkan beli pada setiap minit maka masyarakat perlulah dididik unruk mengurangkan penggunaan plastik. Contohnya, penggunaan plastik boleh diganti dengan beg kitar semula, membawa bekalan makanan atau minuman sendiri dan tidak menggunakan sudu, garpu atau penyedut minuman plastik apabila berada di kedai makan. Hal ini dikatakan demikian kerana barangan plastik yang dibuang ke dalam laut mahupun sungai akan memberi kesan pada hidupan laut seperti penyu, ikan dan anjing laut. Antara kesan yang dihadapi adalah hidupan laut akan menganggap plastik sebagai makanan dan termakannya. Justerunya, ia akan menyebabkan kematian. Buktinya, menurut Galgani et.al (2013), 370 spesies haiwan laut ditemui terjerat atau telah menelan sampah laut di seluruh dunia. Haiwan laut yang termakan plastik turut mengalami penyumbatan pada saluran penghadaman. Oleh itu, kita sebagai rakyat yang bertanggungjawab haruslah membuang sampah dengan penuh etika iaitu buang di tempat di yang betul kerana plastik yang berada di paras laut menghalang pertumbuhan benih pokok bakau yang turut mengubah sifat fizikal pantai.

Seterusnya, tanggungjawab sosial alam sekitar adalah kita haruslah peka terhadap alam sekeliling. Kita boleh membuat laporan kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan. Malahan juga, kita boleh membuat secara aduan dalam talian kepada Kementerian Alam Seitar dan Air (KASA). Contohnya, Kita mesti melaporkan aktiviti pembakaran terbuka kepada pihak berkuasa. Kita boleh berkerjasama dengan pihak berkuasa dengan memberikan bukti ataupun memberikan penenerangan semasa pemeriksaan dijalankan oleh berkuasa. Sekiranya kita tidak mengambil tindakan segera melalui tanggungjawab sosial yang asas, maka kita berkemungkinan akan menghadapi situasi seperti di Amazon dan Congo iaitu berlakunya kebakaran hutan tropika. Negara jiran kita iaitu Indonesia juga boleh dijadikan sebagai iktibar kerana kegiatan pembakaran ladang kelapa sawit dilakukan pada setiap tahun kerana ini merupakan cara paling murah bagi melakukan pembersihan tanah pertanian berskala besar. Namun, hal ini telah menjejaskan kualiti udara termasuk negara-negara jirannya apabila berlakunya jerebu serta memberi kesan pada ekologi dan ekosistem yang sedia ada seperti haiwan-haiwan terancam semakin berkurangan dan

berpotensi untuk pupus jika isu ini dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, masyarakat dan pihak berkuasa mestilah bekerjasama dan prihatin terhadap keadaan sekeliling bagi membendung kegiatan yang tidak bermoral ini.

Tambahan lagi, kita juga haruslah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesedaran tentang pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem terhadap alam sekitar Contohnya, aktiviti sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara yang disambut pada 5 Jun dan 21 Oktober setiap tahun amat penting bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dan kaedah menjaga alam sekitar. Antara aktiviti yang boleh dijalankan adalah menanam semula anak-anak pokok, menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti menderma pakaian terpakai dan pendidikan tidak formal seperti taklimat. Program ini haruslah tertumpu kepada golongan kanak-kanak mahupun belia kerana pendedahan awal melalui aktiviti-aktiviti sedemikian mampu memupuk sikap cinta terhadap alam sekitar. Malah, konsep kitar semula “3R” iaitu konsep “Reduce”, “Reuse” dan “Recycle” boleh dipraktik. Antaranya kita boleh mengumpul barangan terpakai seperti buku-buku, pakaian, anak patung, kasut-kasut dan sebagainya ke pusat kitar semula. Selain itu, H&M sebagai sebuah butik antarabangsa juga turut serta dalam tanggungjawab sosial tersebut dengan menawarkan baucar diskaun sebanyak 15 peratus bagi penghantaran setiap beg pakaian terpakai. Oleh itu, program kesedaran memerlukan sokongan yang padu daripada pelbagai pihak bagi menjaga alam sekitar yang dimiliki bersama.

Bukan itu sahaja, menurut Ika Liana et al. (2011) masyarakat turut dididik agar tidak mengadaikan alam sekitar demi duit. Pengadaian yang paling kerap dilihat adalah pembalakan secara haram, mengalirkan bahan toksik ke dalam sungai, penambakan laut dan pembebasan karbon berlebihan. Hal ini turut menyebabkan alam sekitar digugat dan berlakunya implikasi seperti fenomena LaNina (hujan tanpa henti dan menyebabkan kesejukan yang berlebihan) dan ElNino (cuaca yang panas dan menyebabkan kemarau). Sebagai contoh, aktiviti pembuangan sisa toksik secara berleluasa di Sungai Kim Kim pada tahun 2019 telah menyebabkan pencemaran bau dan sebahagian masyarakat yang berada di kawasan berkenaan turut mengalami masalah kesihatan seperti kesukaran untuk bernafas, loya, pengsan dan pitam. Isu ini amat membimbangkan kita sekiranya alam sekitar tidak dijaga, kita pula yang akan menerima padahnya. Selain itu, terdapat laporan mengenai kegiatan pembalakan secara haram di Hutan Simpan Ulu Jelai iaitu pencerobohan hutan simpan dan penempatan jentera secara haram. Penebangan hutan secara berleluasa boleh menyebabkan berlakunya hakisan tanah dan tanah runtuh yang boleh membahayakan masyarakat di kawasan tersebut. Hal ini disebabkan

setiap hutan simpan yang digazetkan oleh kerajaan adalah bertujuan melindungi alam sekitar termasuk rakyat, habitat flora dan fauna. Oleh itu, walaupun rakyat kini terdesak dari segi kewangan kerana ketidakstabilan ekonomi, mereka sepatutnya tidak mementingkan diri sendiri dengan mengorbankan alam sekitar demi wang, maka akhirnya nanti rakyat juga yang terpaksa menanggung risiko buruk seperti kematian disebabkan kejadian tanah runtuh.

Kesimpulannya, kita haruslah memiliki etika dan peradaban dalam menjalankan tanggungjawab alam sekitar kerana berdasarkan ayat dari Surah Ar-Rum ayat 41, “telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar” telah memberi iktibar kepada kita bahawa keburukan terhadap kehidupan di darat mahupun laut, mereka akan diberi balasan yang setimpal dengan perbuatan mereka. Oleh itu, rakyat perlulah peka terhadap peranan diri dalam penjagaan alam sekitar. Peranan yang paling dominan adalah memelihara dan memulihara alam sekitar serta memberi pengaruh yang positif kepada masyarakat sekeliling. Hal ini sekaligus akan mengingatkan setiap pihak supaya sentiasa memberi perhatian sewajarnya terhadap isu alam sekitar.

6.0 Tanggungjawab Sosial Terhadap Media Sosial

Media sosial ialah sesebuah platform dalam talian yang dicipta daripada kemudahan internet yang dapat digunapakai oleh sesiapa sahaja. Laman sosial yang digunakan oleh seluruh dunia adalah Facebook, Instagram, Twitter, TikTok, Whatsapp dan Wechat. Melalui media sosial, kita boleh berhubung antara keluarga, saudara-mara dan kawan yang berada di tempat yang berlainan. Kaedahnya adalah melalui perkongsian cerita, pos, komen, video dan membuat panggilan telefon secara percuma. Akan tetapi, sekiranya kita tidak mengamalkan etika dan peradaban semasa menggunakan media sosial maka objektif tanggungjawab sosial terhadap media sosial adalah gagal dicapai. Tanggungjawab sosial terhadap media sosial adalah berhati-hati semasa meluahkan perasaan, komen dan paparan, menghentikan penyebaran pengaruh-pengaruh buruk, mengelakkan penyebaran maklumat palsu dan menghindarkan diri daripada membuat keputusan realiti hidup dengan terlalu bergantung kepada media sosial.

Antara tanggungjawab sosial terhadap media sosial adalah netizen perlu berhati-hati semasa meluahkan perasaan, komen dan paparan yang berkaitan bagi mengelakkan insiden

buli siber. Buli siber boleh menyebabkan mangsa mengalami tekanan mental dan kesihatan mental terjejas. Contohnya, mendiang R Thivyaanayagi menerima komen yang jelik di Facebook beliau dan menyebabkan beliau mendapat tekanan mental yang melampau. Akhirnya, beliau memilih untuk mengakhiri nyawa dirinya sendiri. Mendiang dituduh bertemu janji dengan warga asing Bangladesh dan dipaparkan oleh “Joker Oruvan”. Paparan tersebut dicerca dengan pelbagai komen bahawa mendiang telah bercinta dengan warga asing. Walaupun paparan tersebut sudah dipadam, namun mendiang berasa bersalah dan malu bagi pihak keluarga dan memilih untuk membunuh diri.

Selain itu, penyebaran pengaruh-pengaruh buruk di media sosial telah berleluasa di media sosial. Kita sebagai masyarakat, perlu memainkan peranan dengan menghentikan penyebaran pengaruh buruk di media sosial. Media sosial seperti Instagram, Twitter, TikTok dan Facebook semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat dan dijadikan sebagai medium untuk bersosial. Namun, terdapat juga pengaruh buruk seperti pembaziran makanan, penipuan dan meniru budaya-budaya luar yang menentang dengan budaya tempatan. Tujuan mereka melakukan perkara yang sedemikian adalah hanya untuk mendapat sambutan yang hangat daripada masyarakat tempatan dan antarabangsa atau lebih dikenali dengan perkataan tular. Misalnya, trend yang bertujuan untuk menghiburkan masyarakat dengan melakukan pembaziran makanan. Terdapat penghibur dari negara China yang telah berkunjung ke restoran layanan diri dan mengambil makanan dalam kuantiti yang banyak. Mereka gagal menghabiskan makanan tersebut kerana tujuan mereka adalah menghiburkan penontonnya. Perbuatan tersebut adalah salah dan meninggalkan tanggapan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak bahawa pembaziran makanan itu bukannya isu yang besar kerana ia adalah trend terkini. Oleh itu, setiap masyarakat perlulah bertanggungjawab terhadap perilaku sendiri dan penonton perlulah menapis segala maklumat yang diterima. Bagi penghibur yang telah membawa pengaruh buruk di media sosial, sikap yang bersifat negatif itu perlu diperbetulkan agar perbuatan tersebut tidak dicontohi oleh sesiapa.

Di samping itu, penyebaran maklumat dan berita palsu tanpa memeriksa kesahihan maklumat turut menguji etika dan peradaban dalam melaksanakan tanggungjawab sosial media. Dengan itu, peranan masyarakat sebagai pengguna media sosial perlu bertanggungjawab dalam membetulkan dan menegur masyarakat sesama sendiri dalam penyebaran sesuatu berita dan maklumat. Pada masa yang sama masyarakat perlulah menggunakan perkataan yang sopan dan berhemah supaya tidak berlaku pergaduhan hanya

disebabkan perselisihan pendapat. Contohnya, terdapat perkhabaran daripada golongan anti-vaksin yang menyatakan bahawa Vaksin Covid-19 akan mengundang pelbagai kesan negatif seperti kematian dan kemandulan. Perkara ini amat bahaya kerana boleh mengelirukan sesetengah pihak yang menaruh nyawa dalam pertarungan kritikal ini. Oleh itu, masyarakat perlulah mengetahui peranan diri dengan mengamalkan sikap etika dan peradaban dalam dunia maya ini. Masyarakat boleh membantu kerajaan dalam menyebarkan polisi yang terbaru dan berguna kepada masyarakat ataupun menyatukan masyarakat menerusi berita yang bersifat patriotik. Sebagai seorang pengguna yang proaktif dan bertanggungjawab, kita sepatutnya menyemak semula semua maklumat yang diterima sebelum menekan butang kongsi di mana-mana media sosial. Rakyat Malaysia haruslah mengingatkan saranan daripada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan menggunakan platform Sebenarnya.my untuk mengesahkan sesuatu berita. Ia bukan sahaja dapat menambahkan ilmu sendiri, malah dapat mengelakkan diri daripada berkongsi berita dan maklumat palsu. Bukan itu sahaja, sekiranya kita terdapat maklumat palsu disebar luas di media sosial seperti Facebook, Twitter dan pautan yang dilihat mengesyaki, kita haruslah melaporkan kepada MCMC Malaysia supaya ia dapat digugurkan dan dipadam. Masyarakat juga perlu mencari sumber dari fakta yang menyeluruh dan bukan mengambil fakta separuh-separuh sahaja seperti maklumat mengenai Vaksin Covid-19. Langkah ini dapat memberi penerangan yang terperinci kepada masyarakat tanpa percaya kepada berita palsu tersebut. Oleh itu, penyebaran maklumat palsu perlulah dikekang kerana ia boleh mendatangkan fitnah ke atas sesebuah pihak dan menjatuhkan reputasi serta maruah sesebuah pihak yang pada dasarnya tidak bersalah.

Lantaran itu, masyarakat perlu menghindarkan diri daripada membuat keputusan realiti hidup dengan terlalu bergantung kepada media sosial. Keputusan berkaitan hidup perlu dibuat berdasarkan keadaan situasi dan bukannya bertindak mengikut perasaan. Contohnya, terdapat seorang remaja di Sarawak yang mengalami tekanan hidup telah membuka undian di Instagram berserta dengan dua pilihan undian iaitu “D” dan “L”. Kedua-dua pilihan adalah tanpa ada penerangan selanjutnya, namun D telah meraih undian yang lebih tinggi. Pada akhirnya, mangsa telah memilih untuk menamatkan nyawa sendiri kerana “D” yang bermaksud “Die” mendapat sokongan majoriti berbanding “L” yang bermakna “Live”. Mangsa turut menulis sebuah pos di Facebook yang bertajuk *‘WANNA QUIT LIFE, I’M TIRED’*. Perbuatan ini amat dikesali kerana remaja tersebut sepatutnya dapat menerima bantuan pakar psikiatri untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik. Lazimnya, mangsa

boleh mendapatkan khidmat kaunseling daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) atau mencari guru kaunseling di sekolah ataupun mencari rakan rapat kerana mereka adalah mudah didekati dan mudah dikunjungi. Perbuatan ini amat dikesali kerana remaja tersebut sepatutnya dapat menerima bantuan pakar psikiatri yang terlatih dan usaha untuk memulihkan remaja tersebut perlahan-lahan. Dengan kata yang mudah, keputusan seperti ini adalah tidak relevan kerana ia tidak dibuat berdasarkan faktor dan saluran yang betul. Sekiranya masyarakat menemui kenalan mereka mengeluarkan kenyataan dan undian yang bersifat aneh, mereka perlulah prihatin dengan bertanya khabar dengan kadar segera ataupun menghubungi ahli keluarga mereka supaya langkah awal dapat diambil.

Akhir kata, kita sebagai ahli sosial perlu memikul tanggungjawab yang betul terhadap media sosial dengan mengamalkan etika penggunaan media sosial yang benar. Hal ini disebabkan etika dan peradaban yang rendah akan menyebabkan tanggungjawab sosial gagal dilaksanakan seperti kes buli siber, penyebaran berita palsu dan membuat keputusan yang tidak rasional semakin merebak di dalam komuniti kita.

7.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, etika dan peradaban adalah tonggak dalam pembinaan tamadun yang kuat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia memberi dokongan kepada kita bagi melaksanakan tanggungjawab sosial dalam kehidupan seharian. Tanggungjawab sosial seperti tanggungjawab sosial rakyat adalah yang merentasi kaum dan budaya merupakan satu medan yang boleh menyatukan kita semua. Dengan menghayati ajaran agama yang telah disampaikan, adalah penting bagi kita memahami peranan beretika dan beradab semasa menjalankan tanggungjawab sosial. Nilai yang perlu diterapkan dalam diri kita merupakan berhemah, sedia membantu, bekerjasama, rasional dan sebagainya. Contohnya, kita tolong-menolong semasa Covid-19 melanda di negara kita dan kita saling bekerjasama memulihkan semasa masyarakat menimpa kesusahan dalam kehidupan. Contohnya, kita membantu pihak yang dalam kesusahan dalam Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP3.0) khususnya yang mengibarkan bendera putih, sekiranya mereka memerlukan bantuan makanan, minuman dan barangan keperluan harian kita boleh menghulurkan bantuan mereka melalui kolaborasi semua pihak. Tidak dilupakan juga kita menerima Vaksin Covid-19 bagi menjaga keselamatan orang ramai,

bertimbang rasa terhadap pengorbanan barisan hadapan dan menjaga kemapanan ekonomi negara kita. Dengan kata lain, beretika dan beradab daripada rakyat bukannya melalui petuturan semata-mata tetapi ia juga boleh menerusi penglibatan tanggungjawab sosial bagi membina sebuah masyarakat yang lebih erat. Oleh itu, komitmen yang penuh perlu ditunjukkan dalam melatih peribadi yang baik dalam diri.

Di samping itu, tanggungjawab sosial pekerja perlulah merujuk kepada sifat amanah, jujur, berterus-terang dan cekap. Pekerja yang memahami kepentingan sikap beretika dan beradab ketika melaksanakan tanggungjawab sosial adalah penting kerana ia dapat membendung kes-kes berkolar putih seperti pecah amanah, penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Pada masa yang sama, ia juga dapat menghalang angkara pengkhianatan daripada warga pekerja seperti menjual maklumat sulit kepada pesaing. Maklumat sulit seperti kos produk, maklumat pelanggan dan maklumat lain-lain yang boleh memudaratkan kedudukan syarikat. Perkara tersebut dapat dibendung sekiranya pekerja memiliki sikap etika dan peradaban dalam diri mereka kerana dapat membezakan intan dengan kaca. Seterusnya, kita sebagai seorang pekerja perlulah bersikap jujur apabila mendepani dengan pelanggan dengan memberi maklumat yang betul dan tidak berunsurkan penipuan. Hal ini disebabkan kita mestilah menghormati kepercayaan yang telah diberikan kepada kita dan menghormati hak pengguna yang telah diberikan kepada mereka iaitu hak untuk mendapatkan maklumat. Pekerja juga perlulah cekap dalam melaksanakan kerja dengan memberi pekhidmatan yang terbaik kepada pihak-pihak berkepentingan. Dengan kecekapan tersebut, ia dapat membantu syarikat mencapai matlamat, visi dan misi yang telah ditetapkan. Oleh itu, tanggungjawab sosial yang didokong oleh etika dan peradaban daripada pekerja adalah penting bagi membangunkan sesebuah syarikat.

Selain itu, tanggungjawab sosial korporat fokus kepada empat aspek iaitu; hak asasi manusia, amalan buruh, alam sekitar dan isu-isu pengguna. Hak asasi adalah menyediakan suasana dan persekitaran pekerjaan yang mesra kepada semua pekerja tanpa mengira jantina. Kes gangguan seksual yang boleh menyebabkan trauma kepada mangsa seperti mudah cemas, panik dan mengugat kesihatan mental seseorang. Maka, korporat haruslah mewujudkan satu budaya kerja yang selesa bahkan bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Perikatan Persaudaraan Wanita Selangor (PPAWS) dengan menyediakan aplikasi percuma iaitu SafeCity bagi mangsa serangan seksual melaporkan aduan tersebut kepada badan bukan kerajaan yang prihatin itu. Bagi amalan buruh pula, penindasan hak pekerja

pernah dilaporkan dalam Syarikat Top Glove and FGV. Mereka didakwa tidak menyediakan kemudahan penginapan yang termaktub dalam akta Malaysia seperti Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan hal-hal berkaitan dengan kebajikan pekerja seperti gaji. Tanggungjawab sosial alam sekitar yang ditunjukkan oleh syarikat Nestle melalui projek REleaf iaitu program penanaman tiga juta pokok di seluruh Malaysia dalam tempoh tiga tahun dari sekarang. Projek tersebut bertujuan memelihara dan memulihara alam sekitar di Malaysia yang membabitkan kawasan seluas 18.27 juta hektar. Komitmen Nestle untuk mencapai pelepasan gas rumah hijau sifar menjelang tahun 2050 di dalam kehidupan adalah penting bagi memberi kesedaran yang luas kepada rakyat Malaysia. Akhir sekali, tanggungjawab sosial korporat yang berkaitan isu-isu pengguna adalah berkait dengan tujuh hak pengguna yang ditetapkan oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna (FOMCA). Hak tersebut merangkumi hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna, hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat. Hak yang ditegaskan adalah hak untuk mendapatkan maklumat iaitu memberi maklumat yang benar dan lengkap kepada pengguna. Contohnya, korporat tidak boleh menyalahgunakan logo HALAL seperti Syarikat LY Frozen Food Sdn Bhd di Johor. Ia adalah penting bagi umat Islam kerana sekiranya termakan makanan yang bukan HALAL ia akan menimbulkan ketidakselesaan terhadap mereka. Oleh itu, korporat haruslah mementingkan sikap etika dan peradaban dalam diri mereka dalam melaksanakan tanggungjawab sosial mereka.

Lantaran itu, tanggungjawab sosial terhadap alam sekitar adalah mengamalkan teknologi hijau. Kita perlu meminimumkan pembuangan dan penggunaan barangan plastik. Hal ini disebabkan plastik memerlukan jangka masa yang lama untuk dilupuskan. Lebih-lebih lagi, terdapat sesetengah pihak yang membuang plastik ke dalam sungai dan laut. Ia semestinya akan memudaratkan alam sekitar. Penggunaan plastik boleh diganti dengan beg kitar semula, bekalan makanan atau minuman sendiri semasa membeli makanan di luar. Hal ini dapat mengelakkan hidupan laut termakan sisa plastik yang dibuang ke dalam sungai ataupun laut dan mematuhi piawaian Perjanjian Paris Perubahan Iklim iaitu peningkatan suhu tidak boleh melebihi 2 darjah Celcius setahun. Kita boleh melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kesedaran tentang pemuliharaan dan pemeliharaan ekosistem terhadap alam sekitar. Contohnya, penyambutan Hari Alam Sekitar Sedunia dan Negara sempena 5 Jun dan 21 Oktober setiap tahun adalah penting bagi menyedarkan masyarakat kepentingan dan kaedah

menjaga alam sekitar. Contohnya, menanam anak-anak pokok dan pendidikan tidak formal seperti ceramah adalah cara yang efektif bagi tujuan kesedaran. Dengan ini, kita dapat memupuk etika dan peradaban yang tinggi dalam kalangan masyarakat khususnya mengubah sikap pembuangan sampah di merata-rata tempat lantarananya menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap isu alam sekitar. Bukan itu sahaja, masyarakat turut dididik tidak mengadaikan alam sekitar demi duit iaitu pembalakan secara haram. Contohnya, pembalakan secara haram di Hutan Simpan Ulu Jelai berkemungkinan menyebabkan hakisan tanah dan tanah runtuh serta membahayakan masyarakat yang berada di kawasan yang terjejas. Hal ini disebabkan setiap hutan simpan yang digazetkan oleh kerajaan adalah bertujuan melindungi alam sekitar termasuk rakyat, habitat flora dan fauna. Kesimpulannya, rakyat yang beretika dan mengamalkan peradaban terhadap alam sekitar akan melaksanakan tanggungjawab sosial seperti melibatkan diri dalam penggunaan teknologi hijau, menyertai pendidikan alam sekitar dan menjaga alam sekitar tanpa berkompromi terhadap duit.

Akhir sekali, tanggungjawab sosial media sosial adalah netizen perlu berhati-hati semasa meluahkan perasaan, komen dan paparan yang berkaitan. Hal ini disebabkan siber buli yang boleh menyebabkan mangsa mengalami tekanan mental seterusnya kesihatan mental terjerumus. Contohnya, mendiang R Thivyaanayagi menerima komen yang jelik di Facebook beliau maka ia tidak mampu melepasi tekanan mental dan memilih untuk menamatkan nyawa diri. Seterusnya, masyarakat yang menyebarkan pengaruh-pengaruh buruk di media sosial seperti Instagram, Twitter dan Facebook Tujuan tersebut adalah menjadi tular dan menarik perhatian yang ramai. Misalnya, trend pembaziran makanan yang kerap berlaku di China. Terdapat penghibur atas talian yang telah berkunjung ke restoran layanan diri dan mengambil makanan dalam kuantiti yang banyak. Mereka gagal menghabiskan makanan tersebut kerana tujuan mereka adalah menghiburkan penontonnya. Perbuatan tersebut adalah salah dan memberi tanggapan kepada masyarakat khususnya kanak-kanak bahawa pembaziran makanan itu bukannya isu yang besar kerana ia adalah trend terkini. Oleh itu, setiap orang perlulah bertanggungjawab terhadap perilaku sendiri dan penonton perlulah menapis segala maklumat yang telah diterima. Lantarananya, penyebaran maklumat dan berita palsu tanpa memeriksa kesahihan maklumat turut menguji etika dan peradaban dalam melaksanakan tanggungjawab sosial media sosial. Contohnya, terdapat perkhbarian daripada golongan anti-vaksin yang menyatakan bahawa Vaksin Covid-19 akan mengundang pelbagai kesan negatif seperti kematian dan kesan sampingan yang lain terhadap badan. Perkara ini amat bahaya kerana ia boleh mengelirukan sesetengah pihak malah menaruh nyawa dalam pertarungan ini. Oleh itu,

netizen perlulah mengetahui peranan diri dengan mengamalkan sikap etika dan peradaban dalam dunia maya ini. Netizen bolehlah membantu kerajaan meyebarakan polisi yang terbaru dan berguna kepada masyarakat ataupun menyatukan masyarakat menerusi berita yang bersifat patriotik. Sehubungan itu, netizen yang ingin membuat keputusan penting terutamanya soal hidup mati perlu mendapatkan khidmat kauceling daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Hal ini disebabkan mangsa memerlukan penjelasan yang terperinci dan bersifat profesional daripada kaunselor yang terlatih. Contohnya, terdapat seorang remaja yang mengalami tekanan hidup telah membuka undian (*poll*) di Instagram berserta dengan dua pilihan undian iaitu “D” dan “L”. Kedua-dua pilihan adalah tanpa penerangan selanjutnya, namun D telah meraih undian yang lebih tinggi. Pada akhirnya, mangsa telah memilih untuk menamatkan nyawa sendiri kerana “D” yang bermaksud “*Die*” mendapat sokongan majoriti daripada “L” yang bermakna “*Live*”. Perbuatan ini amat dikesali kerana remaja tersebut telah menyalahgunakan media sosial, mendiang sepatutnya berkongsi masalah dan bukannya meminta pilihan sama ada hidup atau mati. Oleh itu, media sosial yang mempunyai fungsi tersendiri sepatutnya digunakan dengan sebaik-baiknya supaya kita dapat maklumat yang betul, dan menerima input yang bersifat positif.

Akhir kata, peranan etika dan peradaban adalah elemen yang penting dalam menggerakkan tanggungjawab sosial. Ia sepatutnya dijadikan sebagai dokongan yang kuat dalam kehidupan harian kita supaya dapat membina sebuah negara yang unggul dan berwibawa.

8.0 Sumber Rujukan

Amanah Dalam Pekerjaan, Unir Agama Islam, UniMAP (2010), Jilid 4

<http://dspace.unimap.edu.my/bitstream/handle/123456789/8004/e-Tazkirah%20Siri%204%20.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Aktiviti pembalakan haram skala besar terbongkar, (2020, June 13). Harian Metro

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/06/589254/aktiviti-pembalakan-haram-skala-besar-terbongkar>

Allah tolong kita, (2019, December 2). Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/addin/2019/12/522626/allah-tolong-kita>

Amerika Syarikat Sekat Produk Top Glove Berhubung Isu Buruh Paksa, (2020, Julai 16).

Astro Awani.<https://www.astroawani.com/berita-bisnes/amerika-syarikat-sekat-produk-top-glove-berhubung-isu-buruh-paksa-251570>

AS Haramkan Import Minyak Sawit Keluaran FGV, (2020, Oktober 01). Harian Metro.

<https://www.hmetro.com.my/global/2020/10/626226/haramkan-import-minyak-sawit-keluaran-fgv>

Bekas pengurus syarikat telekomunikasi dijel, denda bocor maklumat pelanggan, (2021,17

Mac). Sinar Harian

<https://www.sinarharian.com.my/article/128904/BERITA/Semasa/Bekas-pengurus-syarikat-telekomunikasi-dijel-denda-bocor-maklumat-pelanggan>

Cemar Sungai Gong, Pengarah Syarikat antara 8 direman, (2020, Oktober 22). Berita

Harian.<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/10/744767/cemar-sungai-gong-pengarah-syarikat-antara-8-direman>

Convention on Biological Diversity. 2012. Impacts of Marine Debris on Biodiversity: Current Status and Potential Solutions. Secretariat of the Convention on Biological Diversity and the Scientific and Technical Advisory Panel GEF. Technical Series No. 67, Montreal: 61 hlm

Derma pakaian lama, jana sumber kewangan untuk tujuan amal, (2020, 16 September). Astro Awani.<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/derma-pakaian-lama-jana-sumber-kewangan-untuk-tujuan-amal-259609>

Diskriminasi Gender Hadkan “Sokongan” Wanita Dalam Kerjaya, (2021, Mac 8). Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2021/03/793792/diskriminasi-gender-hadkan-sokongan-wanita-dalam-kerjaya>

Ebit Lew hantar 10 tan keperluan asas ke Sabah, (2020, November 6), Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/750691/ebit-lew-hantar-10-tan-keperluan-asas-ke-sabah>

Facts and figures: Ending violence against women, (2021), Laman Web Rasmi United Nations,
<https://www.unwomen.org/en/what-we-do/ending-violence-against-women/facts-and-figures>

Galgani, F., G. Hanke, S. Werner and L. De Vrees. 2013. Marine Litter Within The European Marine Strategy Framework Directive. ICES Journal of Marine Science 70 (6): 1055–1064.

Gangguan Seksual: 80 Peratus Wanita Tak Lapor, (2018, Disember 7). Berita Harian.
<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2018/12/506347/gangguan-seksual-80-peratus-wanita-tak-lapor>

Hadiyati, Ernani. 2009. “Pengaruh Etika Bisnis terhadap Kewirausahaan pada Usaha Kecil Bengkel Les di Pujon”. Jurnal Manajemen Gajayana, 6(1), 59-70.

Ika Liana Khalid, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail. 2011. Level of Knowledge on Environmental Issues and Environmental Education of Primary Schools’ Headmasters in Kuala Lumpur, Malaysia. World Applied Sciences Journal. 14 (Exploring Pathway to Sustainable Living in Malaysia: Solving the Current Environmental Issues). 97-100. 2011. ISSN 1818-4952; IDOSI Publications.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin (JKJAV), Laman Web Rasmi JKJAV.
<https://www.vaksincovid.gov.my/>

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kartel Daging: Pengarah, Pengurus dan Syarikat didakwa bekal daging tak halal, (2021, Februari 9). Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/784580/kartel-daging-pengarah-pengurus-dan-syarikat-didakwa-bekal-daging-tak>

Kesalahan Hutan - Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, (2010), Laman Web Rasmi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,

<https://www.forestry.gov.my/my/perkhidmatan/info-perhutanan/kesalahan-hutan>

Keith Foo jadi sukarelawan di PPV, (2021, June 10). Utusan Malaysia.

<https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/keith-foo-jadi-sukarelawan-di-ppv/>

KSM Terus Tambah Baik Inisiatif Berkaitan Buruh-Saravanan, (2021, Julai 5). Astro Awani.

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ksm-terus-tambah-baik-inisiatif-berkaitan-buruh-saravanan-306750>

Mangsa buli siber bunuh diri selepas didakwa 'berdating' warga asing, (2020, 21 Mei). Free Malaysia Today (FMT),

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2020/05/21/mangsa-buli-siber-bunuh-diri-kerana-berjanji-temu-warga-asing/>

Mcmc.gov.my.Berhenti Sebar SMS Palsu Atau Sedia Didakwa, (2021). Laman Web Rasmi SKMM <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/berhenti-sebar-sms-palsu-atau-sedia-didakwa-skmm>

Mujur ada doctor, (2016, 9 Julai). The Borneo Post.

<https://www.theborneopost.com/2016/07/09/mujur-ada-doktor/>

'Nasi lemak tak dapat dijual, saya sudah tidak berdaya', (3 Julai 2021). Harian Metro

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/07/725912/nasi-lemak-tak-dapat-dijual-saya-sudah-tidak-berdaya>

Peristiwa 13 Mei, (2016), Laman web rasmi Portal Rasmi Diraja Malaysia.<https://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/sejarah/peristiwa-13-mei>

Plastik kini ancaman besar. Sinar Premium, (2021, June 29). Sinar Harian

<https://premium.sinarharian.com.my/article/146949/mediasikritis/perspektif/plastik-kini-ancaman-besar>

Polis tahan 463 individu langgar SOP, (2020, November 16). Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/754834/polis-tahan-463-individu-langgar-sop>

Polis buka 2 kertas siasatan kes sebar berita palsu vaksin Covid-19, (2021, 16 Oktober),

MalaysiaKini <https://www.malaysiakini.com/news/595693>

Projek REleaf Tanam 3 Juta Pokok Nestle Tanam Tiga Juta Pokok di Malaysia Menjelang 2023, (2020, September 23). Utusan Borneo.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/09/23/nestle-tanam-tiga-juta-pokok-di-malaysia-menjelang-2023>

Putus makanan, kibar bendera putih dapat sambutan, (2021, 29 Jun), Utusan Malaysia.

<https://www.utusan.com.my/terkini/2021/06/putus-makanan-kibar-bendera-putih-dapat-sambutan/>

Remaja bunuh diri selepas dapat 69 peratus undian Instagram, (2019, 14 Mei),

AstroAwani, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-bunuh-diri-selepas-dapat-69-peratus-undian-instagram-207649>

Rukun Negara Bina Kesejahteraan, Keamanan dan Kemakmuran Bersama, (2020, September

15). Astroawani.com. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rukun-negara-bina-kesejahteraan-keamanan-dan-kemakmuran-bersama-259435>

Sarmila Md Sum (2013) Pembangunan Komuniti Melalui Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR): Kajian Pengalaman Peserta Projek Perladangan Cili Kontrak di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan (Thesis Doktor Falsafah). Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Sungai Kim Kim kembali “ternoda.”, (2021, March 8). Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/793815/sungai-kim-kim-kembali-ternoda>

Jokowi beri amaran kebakaran hutan, tompok panas dikesan. (2021, February 23). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2021/02/789298/jokowi-beri-amaran-kebakaran-hutan-tompok-panas-dikesan>

Surat Ar-Rum Ayat 41. (n.d.). Tafsir AlQuran Online. <https://tafsirq.com/30-ar-rum/ayat-41>

Tipu pelanggan bisu: Jurujual di Kota Raya didenda RM6,000, (2015, 31 Disember). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2015/12/109947/tipu-pelanggan-bisu-jurujual-di-kota-raya-didenda-rm6000>

Top Glove Mengaku Tak Salah 10 Pertuduhan Gagal Sedia Asrama Pekerja Ikut Standard JTK. (2021, Mac 16). Free Malaysia Today (FMT). <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/03/16/top-glove-mengaku-tak-salah-10-pertuduhan-gagal-sedia-asrama-pekerja-ikut-standard-jtk/>

Trauma Gangguan Seksual Masa Lampau Lebih Teruk, (2020, Mac 17). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2020/03/666031/trauma-gangguan-seksual-masa-lampau-lebih-teruk>

83 peratus pengundi awal tunai tanggungjawab, (2018, Mei 5). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/05/421552/83-peratus-pengundi-awal-tunai-tanggungjawab>